



18 JUN, 2025

Pelepasan karbon sifar bersih sukar dicapai tanpa nuklear

Utusan Malaysia, Malaysia



Pelepasan karbon sifar bersih sukar dicapai tanpa nuklear

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan mampu mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 tanpa tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada campuran tenaga negara.

Timbalan Menteri Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, pihaknya sudah pun mempunyai perancangan jangka panjang berkaitan tenaga nuklear, namun keputusan muktamad tertakluk kepada dasar kerajaan dan penerimaan semua pihak.

Katanya, meskipun tenaga nuklear tidak dikategorikan sebagai tenaga boleh diperbaharui, namun ia merupakan pengeluar tenaga bersih dari segi pelepasan karbon.

“Kalau ditanya pandangan saya, tanpa nuklear, kita tidak akan capai sasaran pelepasan karbon sifar bersih pada 2050. Ini adalah satu realiti yang perlu kita hadapi bersama,” katanya dalam forum ‘Menjayakan Peralihan Tenaga Malaysia’ di Pu-

sat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Beliau dalam masa yang sama turut menegaskan bahawa pelaksanaan tenaga nuklear memerlukan konsensus semua pihak, bukan sekadar keputusan peringkat kerajaan.

“Kita boleh buat perancangan, tetapi pada akhirnya, ia mesti datang bersama kefahaman dan kesediaan rakyat untuk menerima tenaga nuklear sebagai langkah ke hadapan,” ujarnya lagi.

Mengulas mengenai permintaan berkaitan tenaga yang semakin meningkat, Akmal Nasrullah berkata, perbincangan mengenai perkara itu perlu dimulakan dalam masa terdekat kerana ia memerlukan pendekatan pragmatik dan secara holistik.

“Isu ini tidak boleh ditangguh lagi. Jika kita benar-benar serius mahu mencapai pelepasan karbon sifar bersih 2050, sudah tiba masanya untuk memulakan perbincangan nasional mengenai tenaga nuklear,” ujarnya.